

## **Wakil Rakyat Pakatan Didakwa Lagi Bangkit Semangat Penyokong, Hakis**

**Barisan**

**Malaysian Insider**

**May 6, 2014**

**Oleh Jennifer Gomez**

Tindakan Putrajaya untuk membawa dua lagi wakil rakyat daripada Pakatan Rakyat (PR) ke mahkamah hari ini atas tuduhan hasutan dan perhimpunan haram akan mengukuhkan lagi pakatan pembangkang tetapi menghakis sokongan kepada parti pemerintah, Umno dan Barisan Nasional (BN), kata penganalisis.

Pemimpin PR bengang dengan dakwaan hasutan yang terbaru terhadap Ahli Parlimen Seputeh, Teresa Kok dan dakwaan semula atas kesalahan gagal memberikan notis awal bagi mengadakan perhimpunan terhadap Timbalan Speaker DUN Selangor, Nik Nazmi Nik Ahmad.

Tindakan mengugut ahli politik pembangkang menerusi saluran undang-undang mungkin menyebabkan pemimpin utama dalam Umno berpendapat parti itu "berlagak kuat", tetapi ia hanya dugaan kecil bagi Pakatan Rakyat, kerana ada ramai lagi yang akan bangkit menentang perkara itu, kata penganalisis politik, Khoo Kay Peng kepada The Malaysian Insider.

"Tindakan menakut-nakutkan seperti ini tidak akan berjaya, anda kejar Nik Nazmi, akan ada 10 lagi Nik Nazmi menunggu untuk mengambil tempatnya dan bertanding.

"Orang ramai akan beratur untuk menyertai pembangkang," kata Khoo.

Pemimpin pembangkang lain yang berdepan hukuman penjara ialah Ketua Umum PKR, Datuk Seri Anwar Ibrahim selepas didapati bersalah dalam kes liwat keduanya dan Naib Presiden PKR, Chua Tian Chang yang kini disiasat atas kesalahan menghasut.

Mendiang Karpal Singh yang juga bekas pengerusi DAP juga disabitkan kesalahan menghasut Februari lalu tetapi ahli Parlimen Bukit Gelugor itu maut dalam nahas jalan raya bulan lalu ketika rayuannya masih berlangsung di mahkamah.

Tetapi dakwaan baru terhadap Nik Nazmi mencetuskan rasa jengkel Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Seri Setia itu dan penyokongnya kerana beliau dibebaskan dan dilepaskan daripada kesalahan berkenaan pada 25 April

oleh panel tiga hakim Mahkamah Rayuan yang sebulat suara mendapati Seksyen 9 (5) Akta Perhimpunan Aman (PAA) 2012 – yang membabitkan kesalahan jenayah kerana gagal memberikan notis 10 hari sebelum perhimpunan – tidak mengikut perlembagaan.

Nik Nazmi didakwa kerana tidak memberikan notis untuk perhimpunan bantahan besar-besaran Black505 di Stadium Kelana Jaya tahun lalu terhadap keputusan pilihan raya umum pada 5 Mei.

“Black505 berlaku lagi tetapi jika mereka rasa ia akan menjejaskan semangat rakyat, tidak langsung. Perjuangan adalah perjuangan,” kata Adun dua penggal itu dalam akaun Twitternya malam tadi.

Anwar hanya berkata: “Penindasan!” sebagai reaksi awalnya terhadap berita pendakwaan terhadap Nik Nazmi.

Kok akan didakwa atas tuduhan menghasut berhubung klip video Onederful Malaysia, yang dianggapnya sebagai parodi dan dimuat naik di laman YouTube sempena sambutan Tahun Baru Cina lalu.

“Ahli Parlimen Seputeh, Teresa Kok akan didakwa menghasut kerana video Onederful Malaysia, esok. Ini adalah pemahaman Najib terhadap Malaysia sebagai demokrasi terbaik dunia,” kata Penasihat DAP, Lim Kit Siang, malam tadi.

Penganalisis Politik, Profesor James Chin, berkata walaupun tindakan undang-undang digunakan untuk mengganggu pembangkang dan mungkin menjejaskan mereka, ia juga mencetuskan tindak balas terhadap Umno.

Bagaimanapun, katanya, ia adalah akibat yang perlu ditanggung kerajaan pemerintah.

“Ini hanyalah cerita sampingan, perkara utama di Malaysia sekarang ialah hudud,” kata Chin.

Ditanya jika gangguan kepada pembangkang akan memburukkan nama Malaysia di peringkat antarabangsa, Chin berkata, Malaysia tidak pernah peduli mengenai pendapat dunia jika ia membabitkan perkara politik atau sosial.

“Itu sebabnya apabila Obama datang dan membuat kenyataan mengenai kepelbagaian dan peluang kepada minoriti, media arus perdana tidak menyiarkannya, hanya media alternatif saja,” katanya merujuk kepada lawatan Presiden Amerika Syarikat, Barack Obama ke Malaysia, baru-baru ini.

“Mereka akan hanya risau jika ia ada kaitan dengan ekonomi, perdagangan atau pelaburan asing, tetapi bukan isu awam dan politik,” kata Chin, dan menambah ia adalah punca Malaysia belum memeterai sebarang

konvensyen antarabangsa mengenai isu sosial, hak asasi manusia dan kebebasan.

Pengarah Merdeka Center, Ibrahim Suffian, berkata cubaan untuk menyekat pembangkang dalam jangka panjang boleh mengurangkan keyakinan terhadap sistem yang mengendalikan negara.

Katanya, ia juga akan menyebabkan kekurangan sokongan kepada parti pemerintah, terutama sekali dengan wujudnya bantahan terhadap peningkatan kos sara hidup dan pelaksanaan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) bermula April tahun depan.

“Secara tradisinya, mereka yang menyokong pembangkang diketahui mampu berfikir untuk diri sendiri dan menggunakan sosial media dan internet untuk berkongsi pandangan mereka. Jadi sebarang langkah untuk memecahkan pembangkang akan dicabar,” katanya.

Khoo turut bersetuju dan berkata, tindakan menakut-nakutkan dnegan mendakwa pemimpin pembangkang dengan pelbagai kesalahan tidak akan menghalau penyokong atau mematahkan Pakatan.

Katanya, apa yang lebih bahaya ialah apabila pakatan pembangkang bersetuju sesama mereka mengenai isu utama.

“Ia lebih bahaya, contohnya isu hudud yang menyebabkan mereka berpecah buat masa sekarang,” katanya. – 6 Mei 2014.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source: <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/wakil-rakyat-pakatan-didakwa-lagi-bangkit-semangat-penyokong-hakis-barisan>